

**PANDUAN AM UNTUK PESERTA
KURSUS INDUKSI KHUSUS KUMPULAN I & II BIL 3/2011**

1. Tarikh dan Tempat

- 1.1 Tarikh : 14-16 November 2011 (Isnin - Rabu)
- 1.2 Pendaftaran : 8.00 pagi
- 1.3 Masa Kursus : 8.30 pagi – 4.30 petang
- 1.4 Tempat 1 : EDC-UUM - (14 dan 15 Nov 2011)
- 1.5 Tempat 2 : Makmal Komputer Eksekutif (MKE) - (16 Nov 2011)

2. Ujian Induksi Khusus

- 2.1 Peserta adalah dikehendaki menduduki Ujian untuk melengkapkan komponen kursus;
- 2.2 Soalan ujian adalah sebanyak 50 soalan. 40 soalan objektif dan 10 soalan struktur;
- 2.3 Soalan ujian adalah berdasarkan kepada modul-modul di dalam kursus ini dan juga soalan berbentuk pengetahuan am mengenai UUM;
- 2.4 Peserta perlu menjawab semua soalan. Masa yang ditetapkan adalah 1 jam.
- 2.5 Maklumat Ujian seperti berikut:

- 2.5.1 Tarikh : 16 November 2011 (Rabu)
- 2.5.2 Masa : 3.30 – 4.30 petang (1 Jam)
- 2.5.3 Tempat : Makmal Komputer Eksekutif (MKE), Pusat Konvensyen

3. Sajian

Sajian akan disediakan oleh pihak Penganjur termasuk sarapan pagi, minum pagi, makan tengahari dan minum petang – sila rujuk aturcara.

4. Tatatertib

- 4.1 Semua peserta dikehendaki mengikuti program yang dijadualkan dan menepati waktu.
- 4.2 Setiap peserta dinasihatkan menjaga tingkah laku dan tutur kata supaya imej Universiti Utara Malaysia sentiasa terpelihara.

5. Pakaian

- 4.1 Semasa menghadiri kursus, peserta dikehendaki mematuhi etika pakaian universiti iaitu berpakaian yang bersesuaian, sopan dan kemas.

6. Kehadiran

- 6.1 Kehadiran adalah diwajibkan
- 6.2 Sekiranya tidak dapat menghadirkan diri, peserta mesti memaklumkan kepada Urusetia dan mendapat sokongan Ketua Pusat Tanggungjawab
- 6.3 Setiap peserta diwajibkan merakam masa kehadiran pada 'Card Reader' yang disediakan **sebelum jam 8.15 pagi (sesi pagi)** dan **sebelum jam 2.15 petang (sesi petang)** melainkan seperti yang diarahkan oleh penyelaras kursus.
- 6.4 Sijil akan dikeluarkan kepada peserta yang mempunyai **kehadiran penuh masa sahaja**.

***Setiap peserta dikehendaki sentiasa membawa kad pintar (smart card) semasa menghadiri kursus untuk tujuan rekod kehadiran.**